

PENDEKATAN PENULISAN DAKWAH AL-MARBawi BERDASARKAN KARYA SYARAH HADITH

***AN APPROACH OF WRITING OF DA'WAH AL-MARBawi BASED ON
HADITH COMMENTARY WORKS***

Mohd Solleh Ab Razak¹

Siti Hanisah Sabri^{2*}

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: sollehrizak@ums.edu.my)

² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: hanisahsabri@ums.edu.my)

*corresponding author

Article history

Received date : 21-10-2024

Revised date : 22-10-2024

Accepted date : 27-11-2024

Published date : 15-4-2025

To cite this document:

Ab Razak, M. S. & Sabri, S. H. (2025). Pendekatan penulisan dakwah Al-Marbawi berdasarkan karya syarah hadith. *Journal of islamic, social, economics and development (JISED)*, 10 (71), 602- 623.

Abstrak: Penulisan karya dakwah dalam dunia Islam berkembang sejajar dengan perkembangan Islam. Malah, perkembangan penulisan karya syarah hadith turut berlaku kerana penulisan karya ini bertujuan menjelaskan kehendak dan maksud hadith selari dengan kehendak Nabi Muhammad SAW. Justeru, para muhaddithin merangka konsep dan pendekatan penulisan syarah hadith agar karya yang dihasilkan dapat mencapai matlamat penulisan. Dalam situasi ini, al-Marbawi merupakan tokoh muhaddith di Alam Melayu telah menghasilkan beberapa karya syarah hadith bagi membantu masyarakat memahami hadith. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengkaji dan menganalisis pendekatan penulisan dakwah al-Marbawi berdasarkan karya syarah hadith beliau. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dan pengumpulan data penyelidikan dilaksanakan melalui kaedah analisis kandungan. Kemudian data dianalisis dengan mengubah data ke dalam bentuk teks, menghasilkan kategori dan juga membuat kesimpulan. Kajian ini memfokuskan kepada tiga karya syarah hadith iaitu *Bahr al-Mādhī li Sharḥ al-Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*, *Idangan Guru Ṣaḥīḥ al-Bukhārī wa Muslim* dan *Bulūgh al-Marām* Serta Terjemahan Melayu. Hasil kajian ini mendapati lima pendekatan penulisan dakwah al-Marbawi iaitu pemilihan karya utama hadith, pemilihan hadith yang bertepatan dengan tajuk dan tidak berulang, fokus syarah hadith secara mendalam dan fiqh al-hadīth, serta pendekatan mengemukakan teks dan terjemahan hadith yang memudahkan para pembaca memahaminya. Tambahan itu, al-Marbawi memilih pendekatan syarah hadith secara terperinci (*sharḥ al-taḥlīlī*) dan syarah hadith secara bercampur (*al-sharḥ al-muzījī*) bagi karya *Bahr al-Mādhī* dan *Idangan Guru*. Sebaliknya, karya *Bulūgh al-Marām* mengaplikasikan pendekatan syarah hadith secara ringkas (*al-sharḥ al-ijmālī*). Kepelbagaiannya pendekatan penulisan dakwah al-Marbawi dalam karya syarah hadith ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca daripada pelbagai lapisan masyarakat.

Kata kunci: Pendekatan Dakwah, Al-Marbawi, Penulisan, Karya Syarah Hadith

Abstract: The writing of *da'wah* works in the Islamic world evolved along with the development of Islam. In fact, the development of writing hadith commentary works also occurred because the writing of this work aims to explain the will and purpose of the hadith in line with the will of the Prophet Muhammad SAW. Therefore, the muhaddithīn constructed the concept and approach of writing hadith commentaries so that the resulting work could achieve the goal of writing. In this situation, al-Marbawi, a muhaddith figure in the Malay world, has produced several works of hadith commentary to help people understand hadith. Therefore, this study is conducted to examine and analyse al-Marbawi's approach to writing *da'wah* based on his hadith commentary works. This study employs a qualitative approach and collecting research data using the content analysis method. Then analyzed the data by transforming it into text form, generating categories, and making conclusions. This study focuses on three works of hadith commentaries, namely *Bahr al-Mādhī li Sharḥ al-Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*, *Idangan Guru Ṣaḥīḥ al-Bukhārī wa Muslim*, and *Bulūgh al-Marām* and its Malay Translation. The study's findings showed that there are five approaches to writing *da'wah* al-Marbawi: choosing the main hadith work, choosing hadith that fits the title and isn't repeated, focusing on in-depth hadith commentary and *fīqh al-hadīth*, and writing the text and translating hadith in a way that is easy for readers to understand. In addition, al-Marbawi chose the approach of detailed hadith commentary (*sharḥ al-taḥlīlī*) and mixed hadith commentary (*al-sharḥ al-muzjī*) for *Bahr al-Mādhī* and *Idangan Guru* works. On the other hand, the work of *Bulūgh al-Marām* applies the concise hadith commentary approach (*al-sharḥ al-ijmālī*). The variation of al-Marbawi's writing of *da'wah* approaches in these hadith commentaries can benefit readers from all backgrounds of life.

Keywords: *Da'wah Approach, Al-Marbawi, Writing, Works of Hadith Commentary*

Pendahuluan

Dakwah pada prinsipnya adalah menyeru umat manusia kepada Islam (Harianto, Y. A., 2023, p. 102). Hal ini bertujuan mengajak orang lain untuk meyakini dan mengamalkan akidah dan syariat Islam dalam kehidupan sehari-hari (Bashori, A. H. & Jalaluddin, M., 2021, p. 90). Ia boleh dilakukan melalui lisan, penulisan, dan juga tindakan (Harianto, Y. A., 2023, p. 102). Berhubung pendekatan dakwah menerusi tulisan, ia merujuk kepada usaha menyampaikan mesej ajaran Islam menerusi penulisan (Abd Zamani, S. N. H., et. al., 2021, p. 207). Penulisan ini boleh dilakukan dengan pelbagai cara seperti menulis surat kepada sasaran dakwah atau menulis buku, jurnal atau artikel dalam majalah dan sebagainya. Kesemua kaedah ini merupakan kaedah yang baik untuk berdakwah (Zaydān, A. K., 2002, p. 481). Walaupun demikian, penulisan buku merupakan salah satu kaedah yang paling berkesan dan paling efektif, terutamanya dalam menyampaikan buah fikiran dan menyalurkan ilmu pengetahuan kepada orang lain. Bahkan kandungan ilmu yang terkandung dalam buku mampu bertahan dalam jangka masa yang lebih lama (Hamzah. N. H. et al. 2014, p. 10). Oleh yang demikian, al-Jāhīz menyatakan bahawa sekiranya bukan kerana buku-buku yang ditulis, nescaya banyak ilmu yang hilang (Al-Rashīdī, 2015, p. 13).

Penulisan dakwah ini diinspirasikan daripada pendekatan Rasulullah SAW sendiri dan generasi Sahabat. Hal ini demikian kerana selain pendekatan hafalan yang dijadikan medium untuk merekod maklumat tentang Islam (Abū Dāwūd, 2009, p. 5:501), Baginda turut menggunakan cara penulisan agar ia dipelihara dan disampaikan kepada generasi seterusnya. Hal ini

sebagaimana yang diaplikasikan oleh [‘]Abdullāh bin [‘]Amrū RA (Abū Dāwūd, 2009, p. 5:501). Menyedari hakikat ini, para ilmuan Islam sejak zaman berzaman menghasilkan buku atau tulisan sendiri sehingga menjadi rujukan seluruh umat Islam sehingga ke hari kini. Hal ini merupakan asas media dalam perkembangan dakwah kerana dakwah secara tulisan memberi impak besar terhadap perkembangan dakwah (Hamzah. N. H. et al. 2014, p. 1). Daripada hasil karya-karya tersebut, para ilmuan dan para pendakwah Islam telah menghasilkan khazanah ilmu yang sangat bernilai untuk umat manusia dan mampu dimanfaatkan sehingga ke akhir zaman.

Berdasarkan cacatan sejarah, orang pertama yang membina khazanah awam bagi menghimpunkan pelbagai karya ialah Khālid bin Yazīd bin Mu‘awiyah (Al-Rashīdī, 2015, p. 17). Bahkan terdapat tiga khazanah karya terbesar dalam dunia Islam dicatatkan iaitu Khazanah *al-Khulafā’ al-‘Abbāsiyyīn* di Baghdad, Khazanah *al-Khulafā’ al-Fātimiyyīn* di Mesir dan Khazanah *Khulafā’ Banī Umayyah* di Andalus (Al-Qalqashandī. A., 1922, p. 1:466-467). Kemunculan khazanah-khazanah ini menampakkan betapa besarnya sumbangan Islam dalam dunia penulisan terutamanya berkaitan dakwah Islam. Antara karya dakwah Islam yang berkembang pesat adalah karya berkaitan ilmu hadith (Hamzah. N. H. et al. 2014, p. 10). Kemunculan karya-karya berperanan untuk menepis dan mematahkan golongan yang berusaha merosakkan hadith Rasulullah SAW; sama ada dengan mengurangkan dan mengubahnya atau menyatakan sesuatu yang tidak dinyatakan oleh Baginda SAW (Ibn al-Jawzī, 1966, p. 1:30-31). Oleh itu, usaha ini sangat penting dalam memelihara kesucian dan keaslian agama Islam.

Sejarah perkembangan Islam di Malaysia turut mencatatkan ramai sarjana yang berdakwah melalui penulisan. Bahkan sebahagian besar penulisan dakwah dihasilkan dalam bentuk buku, majalah, buletin, artikel dan sebagainya. Bahkan pada era kini, penulisan secara e-book semakin mendapat sambutan disebabkan ia mudah disimpan, dibaca dan tidak memerlukan kos penerbitan dan percetakan yang tinggi (Shamsul Baharin, S. A. & Amran, N. N. (2021) p. 35). Menurut Fuad Z. & Khairi. N. H. (2018, p. 199), metod penulisan dakwah di Malaysia dipersembahkan dalam dua bentuk; iaitu penulisan dakwah secara ilmiah dan penulisan dakwah secara kreatif. Penulisan dakwah secara ilmiah ditulis berdasarkan penulisan sistematis atau metodologi penelitian tertentu oleh seseorang sarjana atau ahli akademik dalam dunia ilmu Islam.

Walaupun demikian, sejarah perkembangan penulisan karya hadith di Malaysia tidak serancak perkembangan penulisan karya ilmu syariat yang lain. Hal ini demikian kerana penulisan karya hadith tidak mendapat perhatian yang sewajarnya oleh intitusi pendidikan jika dibandingkan dengan ilmu syariat yang lain (Deraman. F. et al., 2010, p.1). Namun menurut Zakaria. A. R. (2007, p. 116), Mohamed Idris bin Abdul Raof atau lebih dikenali sebagai Syeikh al-Marbawi telah berjaya memenuhi kekosongan ini. Beliau berjaya menghasilkan karya asli dalam bidang ilmu hadith di rantau ini yang merupakan karya hadith dalam tulisan jawi yang terbesar dan terawal yang pernah wujud di Alam Melayu. Karya tersebut berjudul *Bahr al-Mādhī li Sharḥ al-Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*. Pengkaji mendapati sehingga ke hari ini tiada karya yang dapat menandingi karya tersebut dalam bidang hadith.

Menyedari kedudukan karya *Bahr al-Mādhī* ini dan karya-karya hadith yang beliau hasilkan, ia merupakan khazanah yang terlalu bernilai. Justeru, pengkaji berpandangan perlunya satu kajian berkaitan pendekatan penulisan dakwah yang diaplikasikan oleh al-Marbawi berdasarkan karya syarah hadith beliau. Kajian ini penting agar pendekatan al-Marbawi dalam

mensyarahkan hadith mampu dijadikan model dalam menghasilkan karya hadith yang bermanfaat terutamanya melalui pendekatan penulisan dakwah.

Objektif

Objektif kajian ini adalah:

1. Menghuraikan perkembangan penulisan dakwah dalam dunia Islam.
2. Mengkaji pendekatan karya-karya syarah hadith.
3. Menganalisis pendekatan penulisan dakwah al-Marbawi berdasarkan karya syarah hadith.

Metodologi dan Skop

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Justeru, pengumpulan data penyelidikan bagi kajian ini dilaksanakan melalui metode analisis kandungan yang merujuk kepada kaedah kajian yang menggunakan interpretasi subjektif terhadap kandungan data dalam bentuk teks, antaranya melalui proses mengenal pasti corak penulisan dan tema. Bagi kajian yang menggunakan kaedah analisis kandungan, data dianalisis dengan beberapa cara. Antaranya ialah dengan mengubah data ke dalam bentuk teks, menghasilkan kategori dan membuat kesimpulan.

Melalui kajian ini, pengkaji melakukan penelitian terhadap karya khusus syarah hadith iaitu karya berbentuk buku dan kajian ilmiah bagi mendapatkan data untuk dianalisis. Secara lebih spesifik, fokus utama penelitian berkaitan pendekatan yang diaplikasikan oleh al-Marbawi dalam menghasilkan karya syarah hadith dari aspek penulisan dakwah. Dari sudut pengumpulan sumber pula, pengkaji mengumpulkan pendekatan yang diaplikasikan oleh al-Marbawi berdasarkan tiga karya syarah hadith beliau iaitu *Bahr al-Mādhī li Sharh al-Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*, *Idangan Guru Ṣaḥīḥ al-Bukhārī wa Muslim* dan *Bulūgh al-Marām Serta Terjemahan Melayu*. Kemudian, data-data yang diperoleh dianalisis berdasarkan kaedah induktif dan deduktif agar dapat menghasilkan satu analisis kesimpulan yang menyeluruh berkaitan pendekatan penulisan dakwah al-Marbawi berdasarkan ketiganya tiga karya syarah hadith (Barnadib, I. 1982, p. 52-53. Jamil Saliba, 1971, p. 71-72).

Penulisan Karya Dakwah Dalam Dunia Islam

Penulisan dakwah merupakan penulisan yang diciptakan dari awal kemunculan Islam lagi. Usaha ini dirintis oleh Rasulullah SAW sejak awal permulaan turun al-Quran. Hal ini terbukti apabila Baginda melantik para penulis wahyu daripada kalangan para Sahabat yang ternama seperti 'Alī, Mu'awiyah, Ubay bin Ka'b dan Zayd bin Thābit. Justeru, apabila turunnya al-Quran, Baginda mengarahkan mereka agar menulisnya dan menunjukkan tempat ayat tersebut berada di dalam surahnya sehingga tersusun kitab dalam bentuk buku dan dihafaz di dada para Sahabat (Mannā' al-Qaṭṭān, 2000, p. 118). Penulisan ini berterusan sepanjang hayat Baginda dan selepas Baginda wafat.

Demikian juga dengan hadith Nabi SAW. Baginda pernah mengarahkan para Sahabat agar menulis hadith-hadith yang Baginda sampaikan kepada Abū Shāh yang merupakan seorang lelaki daripada Yaman (Al-Bukhārī. M. I., 1422H, p. 3:125). Tambahan itu, Baginda sendiri mengarahkan sahabat Baginda agar menulis surat dan menghantarkannya kepada para pemerintah negara bukan Islam untuk mengajak mereka menyembah Allah dan memeluk agama Islam (Zaydān, A. K., 2002, p. 481). Hal ini berlaku setelah berlakunya peristiwa Perjanjian Hudaibiah. Menurut al-'Umarī A. D. (1994, p. 454), peristiwa Perjanjian Hudaibiah telah memberi peluang kepada Rasulullah SAW untuk menyebarkan dakwah Islam lebih luas

sama ada dalam dan luar semenanjung Arab. Peluang tersebut dimanfaatkan oleh Baginda dengan mengutuskan para Sahabat agar membawa surat Baginda kepada para pemerintah. Justeru, Baginda mengutuskan Dihyah bin Khalīfah al-Kalbī ke Qayṣar, Ḥabdullāh bin Ḥudhāfah al-Sahmī ke Kisrā, Ḥamrū bin Umayyah al-Damrī kepada al-Najāshī di Ḥabshah, Ḥāfiẓ bin Abī Balṭā’ah al-Lakhmī kepada al-Muqawqis yang merupakan pemerintah Mesir, Sulayṭ bin Ḥamrū al-Āmirī kepada Hawdhah bin Alī ke Yamāmah.

Tradisi penulisan ini terus berkembang dalam dunia Islam. Para ulama sepanjang generasi tidak lekang daripada menghasilkan karya-karya yang bermanfaat kepada seluruh manusia. Hasilnya, karya-karya yang dihasilkan terlalu banyak sehingga tidak mampu dihitung lagi. Menurut al-Qalqashandī A. (1922, p. 1:467), tiada satu agama dan tiada satu umat manusia pun yang berjaya menghasilkan karya yang begitu banyak yang boleh menandingi karya-karya yang dihasilkan berkaitan agama Islam. Bahkan menurut Bakr Abū Zayd (1416H, p. 277), Allah taala telah mengurniakan kelebihan kepada kaum Muslimin berbanding orang kafir dengan nikmat yang sangat besar dan luas iaitu nikmat karya-karya pusaka yang dikenali sebagai *turāth* dalam pelbagai cabang dan seni ilmu Islam. Ia merupakan hasil daripada pena-pena umat Islam yang telah menghabiskan masa dan mencurahkan tenaga untuk memahami nas-nas wahyu al-Quran dan hadith. Hasilnya mereka berjaya meninggalkan lebih daripada 3,000,000 (tiga juta) manuskrip yang diletakkan sekira-kira di 2,000 (dua ribu) perpustakaan Islam. Demikianlah luasnya lautan karya yang telah dihasilkan oleh para ulama dan ditinggalkan untuk generasi seterusnya.

Dalam bidang ilmu hadith pula, penekanan berkaitan penulisan hadith sangat diberi perhatian sebagaimana hafalannya. Bahkan dalam keadaan tertentu, penulisan hadith lebih diutamakan berbanding hafalan hadith. Antara contohnya ialah *muḥaddithīn* mendahului riwayat Ḥabdullāh bin Ḥudhāfah al-Sahmī berbanding riwayat Wakī’ bin al-Jarrāḥ sekiranya terdapat perselisihan riwayat antara mereka berdua, sekalipun kedua-duanya merupakan *al-Imām*, *al-Hāfiẓ* dan *al-Hujjah*. Hal ini demikian kerana Ibn Mahdī lebih hampir pada zaman pembukuan hadith berbanding al-Wakī’ (Al-Khaṭīb al-Baghdādī, 1983, p. 2:11). Justeru, *muḥaddithīn* menyarankan agar meriwayatkan hadis daripada kitab sekalipun seseorang itu mempunyai ingatan yang kukuh dan mantap kerana terpelihara daripada kesangsian dan kesalahan, serta menjauhkan daripada kegelinciran (Al-Khaṭīb al-Baghdādī, 1983, p. 2:10). Atas faktor ini, Yāḥyā bin Ma‘īn berpandangan riwayat Jarīr bin Hāzim lebih baik berbanding riwayat Abū Hilāl kerana beliau merupakan seorang penulis kitab (Ibn Abī Ḥātim, 1952, p. 2:505). Demikian jugalah Ahmad bin Hanbal, sekalipun beliau mempunyai hafalan yang mantap, beliau tidak sesekali meriwayatkan hadith melainkan menggunakan kitab (Al-Khaṭīb al-Baghdādī, 1983, p. 2:12).

Selain penulisan berkaitan agama Islam dalam bentuk buku, penulisan dalam bentuk jurnal, artikel atau surat juga merupakan antara cara yang amat berkesan dalam dakwah. Antara ulama yang melakukan demikian ialah al-Bayhaqī yang menulis surat kepada al-Juwaynī yang membincangkan berkaitan ilmu hadith dan lain-lain. Surat tersebut dicetak pada hari ini dan dikenali sebagai *Risālah al-Imām Abī Bakr al-Bayhaqī ilā al-Imām Abī Muhammad al-Juwaynī* (Al-Bayhaqī. A. H., 2007). Demikian juga Abū Dāwud (1405H) yang menulis *Risālah Abī Dāwud ilā Ahli Makkah fī Wasfi Sunanihi* bagi menjelaskan metodologi penulisan kitab *al-Sunan*. Selain berkaitan ilmu, para ulama turut menulis surat kepada pemerintah bagi menyampaikan nasihat agar pemerintah mematuhi syariat Islam dan melaksanakan pentadbiran negara berdasarkan lunas-lunas Islam. Antaranya ialah Mālik bin Anas dan Abū Yūsuf yang

menulis surat Khalīfah Hārūn al-Rashīd serta al-Awza‘ī yang menulis surat kepada Khalīfah Abū Ja‘far al-Manṣūr (Al-Badrī. A. A., 1965, p. 104-114). Hal ini menunjukkan para ulama bukan sekadar berdakwah melalui penulisan kepada masyarakat bawahan sahaja, bahkan melibatkan para pemerintah.

Perkembangan penulisan dakwah dalam dunia Islam semakin rancak apabila usaha menterjemahkan karya-karya ke dalam bahasa-bahasa bangsa tertentu yang ingin diajak kepada Islam. Menurut Zaydān, A. K. (2002, p. 482), melalui cara ini Islam dapat disampaikan kepada berjuta-juta manusia yang tidak memahami bahasa Arab dan tidak pernah mengenali ajaran Islam. Selain penulisan buku, penulisan surat, jurnal dan lain-lain pada kebiasaannya ditujukan kepada umum dan dibaca oleh kebanyakan orang yang mempunyai pelbagai latar belakang ilmu. Daripada kesinambungan inilah, perkembangan karya dakwah Islam semakin tersebar ke seluruh pelusuk dunia dan manusia mampu mengetahui dan memahami Islam dan seruannya.

Kepentingan Syarah Hadith

Penumpuan terhadap kefahaman dan makna hadith merupakan sunnah para salaf dan para imam seluruh umat Islam. Hal ini demikian kerana pengajian hadith tidak akan tercapai melainkan dengan memahami makna-makna hadith (Tariq ‘al-Awdah, 1440H, p. 20). Dalam hal ini, pelbagai ungkapan daripada kalangan salaf berkaitan kepentingan syarah hadith. ‘Alī bin al-Madīnī menyatakan bahawa memahami makna-makna hadith merupakan separuh ilmu dan mengetahui maklumat para perawi merupakan separuh ilmu yang berbaki (Al-Rāmahurmuzī, 1404H, p. 320). Hal ini demikian kerana hadith terdiri daripada dua komponen penting iaitu sanad dan matan. Bahkan menurut al-Hākim (1977, p. 63), pemahaman terhadap hadith merupakan buah ilmu dan kefahaman terhadap hadith menjadi sumber utama syariat. Justeru, kefahaman yang diperolehi merupakan matlamat dalam pengajian hadith.

Dari aspek lain pula, Ibn Jamā‘ah (1406H, p. 62) menegaskan bahawa usaha memahami lafaz-lafaz ganjil yang terdapat dalam hadith merupakan satu usaha untuk memahami kandungan hadith yang berkait dengan hukum-hukum, adab-adab dan orang yang layak mengambil keputusan (*al-mustanbiṭah*) daripada hadith. Kesemua ini merupakan sifat para *fuqahā'* yang ternama seperti al-Shāfi‘ī dan Mālik. Kenyataan ini menunjukkan bahawa syarat seseorang *faqīh* mestilah mampu memahami hadith yang merupakan sumber rujukan bagi hukum dan adab. Menyedari hakikat inilah, al-Khaṭīb al-Baghdādī (1421H, p. 2:159) menasihati para pelajar hadith agar menekuni syarah hadith dengan bersungguh-sungguh. Bahkan menurut beliau, seseorang yang hanya memfokuskan dalam penulisan dan periwayatan hadith sahaja tidak menjadikan dirinya seseorang *faqīh*. Sebaliknya untuk menjadi *faqīh*, seseorang memerlukan usaha yang bersungguh-sungguh dengan cara berfikir secara mendalam tentang makna-makna hadith.

Hal ini dibuktikan berdasarkan kisah Ishāq bin Rāhūyah. Beliau menceritakan bahawa ketika di Iraq, beliau duduk bersama Ahmad bin Ḥanbal, Yaḥyā bin Ma‘īn dan beberapa orang sahabat yang lain. Mereka berdiskusi berkaitan hadith dengan mengemukakan satu, dua dan tiga jalur periwayatan bagi sesuatu hadith. Tiba-tiba, Yaḥyā bin Ma‘īn berkata: “Demikianlah jalur periwayatannya.” Lalu Ishāq bertanya: “Adakah jalur periwayatan ini *ṣahīh* secara *ijmā’*?” Mereka menjawab: “Ya.” Lalu beliau bertanya lagi: “Apakah kehendak hadith ini? Apakah tafsiran hadith ini? Apakah fikah hadith ini?” Kesemua mereka tidak menjawab melainkan Ahmad bin Ḥanbal (Abū Ḥātim, 1371H, p. 293). Peristiwa ini menggambarkan betapa kefahaman terhadap hadith tidak mampu dicapai dengan hanya mahir jalur periwayatan,

sebaliknya kefahaman terhadap hadith hanya tercapai apabila seseorang menguasai ilmu syarah hadith. Dari situlah seseorang mampu mengutip manfaat daripada hadith.

Konsep Dan Pendekatan Penulisan Syarah Hadith

Menurut Ṣiddīq Ḥasan Khān (1978, p. 2:336), ilmu syarah hadith ialah ilmu yang membahaskan maksud Rasulullah SAW yang terdapat dalam hadith-hadith Baginda yang mulia berdasarkan kaedah-kaedah Bahasa Arab dan dasar-dasar syariat mengikut kemampuan seseorang manusia. Manakala ilmu *manāhij al-shurrāh* pula bermaksud ilmu yang membahaskan berkaitan pendekatan-pendekatan para pensyarah hadith dalam mensyarahkan dan menjelaskan hadith, serta mendedahkan matlamat-matlamatnya dari sudut *riwāyah* dan *dirāyah* (Tariq ‘al-Awdah, 1440H, p. 174-175).

Sebahagian *muḥaddithīn* menggunakan beberapa istilah lain yang hampir sama dengan syarah hadith. Antaranya ialah tafsir hadith sebagaimana yang digunakan berkaitan tafsir al-Quran. Menurut al-Zarkashī, tafsir merupakan ilmu untuk memahami Kitab Allah yang diturunkan ke atas Nabi-Nya Muhammad SAW, menjelaskan maknanya dan mengeluarkan hukum-hukumnya dan hikmah-hikmahnya (Al-Suyūṭī, 1974, p. 4:195). Oleh yang demikian, maksud tafsir hadith adalah sama dengan maksud tafsir al-Quran. Selain istilah tafsir, istilah *hāshiyah* dan *ta’līq* juga digunakan bagi menunjukkan penjelasan terhadap sesuatu hadith dikemukakan dengan kadar yang lebih kecil dan lebih ringkas berbanding syarah dan tafsir. Menurut Hājī Khalīfah (1413H, p. 1:623), *hāshiyah* merupakan satu ungkapan tentang petikan hujung kitab, kemudian menjadi satu ungkapan tentang perkara yang ditulis di dalam kitab. Namun, sesuatu yang diasingkan ucapannya, lalu dicatat secara berasingan, maka ia dipanggil pula sebagai *ta’līq*.

Berhubung hal ini, pengkaji mendapat terdapat pelbagai sudut pandang cara penyusunan berkaitan syarah-syarah hadith yang dikategorikan oleh para pengkaji syarah hadith. Menurut Al-Bayānūnī (2007, p. 84), terdapat lima pendekatan cara penyusunan dan pembahagian kitab-kitab syarah, iaitu: berdasarkan ayat kalimah demi kalimah (*i’tibār al-manhaj al-muttaba’ fītāhā*), berdasarkan latar dan fokus syarah hadith (*i’tibār tabī’ah al-sharḥ wa takhaṣṣūṣuhu*), berdasarkan uslab syarah (*i’tibār uslūb al-sharḥ wa tarīqatuhu*), berdasarkan hadith yang diambilnya (*i’tibār al-ahādīth al-latī tatanāwaluhā*) dan berdasarkan ketebalan fizikal karya (*i’tibār ḥajmihā*). Walaupun demikian, pengkaji meringkaskan kategori pendekatan penulisan karya syarah hadith kepada lima pendekatan sahaja sebagaimana berikut:

1 Pertama: Syarah Hadith Secara Ringkas (*al-Sharḥ al-Ijmālī*)

Pendekatan syarah hadith ini memfokuskan penjelasan terhadap makna umum bagi sesuatu hadith. Ia melibatkan penjelasan berkaitan makna-makna kalimah yang ganjal dan dikemukakan penjelasan secara ringkas sahaja (al-Bayānūnī, 2007, p. 84). Oleh yang demikian, pendekatan syarah tidak secara panjang dan meluas perbincangannya. Antara contoh karya yang mengaplikasikan pendekatan syarah hadith ini ialah karya *Nuzhah al-Muttaqīn Sharḥ Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* oleh Muṣṭafā Sa‘īd al-Khin, Muṣṭafā al-Bughā dan lain-lain.

2 Kedua: Syarah Hadith Secara terperinci (*al-Sharḥ al-Tahlīlī*)

Pendekatan syarah ini merupakan sebuah syarah hadith secara terperinci dan luas perbincangannya. Seseorang pensyarah hadith akan memfokuskan sesuatu hadith dengan mengemukakan syaranan yang seumpama ensiklopedia hadith. Dalam syaranan tersebut

mengandungi perbincangan-perbincangan berkaitan akidah, hadith, fiqh, *uṣūl*, bahasa dan pelbagai cabang-cabang ilmu syariah yang lain (Tariq ‘al-Awdah, 1440H, p. 181).

Para pensyarah juga berbeza pendekatan ketika membentangkan tajuk-tajuk permasalahan berkaitan hadith. Pendekatan pertama, sebahagian pensyarah hadith mengemukakan tajuk permasalahan berdasarkan rangkaian kalimah-kalimah yang terdapat pada hadith. Oleh itu, pensyarah hadith akan menghuraikan apabila tiba pada kalimah-kalimah yang berkaitan tanpa perlu mengemukakan hadith sepenuhnya terlebih dahulu dan barulah mensyarahkannya. Pendekatan ini diaplikasikan oleh Ibn Ḥajar dalam *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Pendekatan kedua, sebahagian pensyarah hadith mengemukakan tajuk-tajuk permasalahan secara berasingan dan meletakkan sub-topik khusus bagi sesuatu perbincangan. Pendekatan ini diaplikasikan oleh al-‘Aynī dalam ‘Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Melalui karya ini, beliau membahagikan syarah hadith kepada beberapa bahagian seperti penjelasan berkaitan hadith dengan ayat al-Quran, judul bab, perawi hadith, keturunan perawi, faedah-faedah berkaitan perawi, keistimewaan sanad, jenis hadith, bilangan hadith *ṣaḥīḥ* dan riwayat selainnya, bahasa, *i'rāb*, ilmu *balāghah* yang melibatkan ilmu *al-ma'ānī*, *al-bayān* dan *al-badī'*, *istiqbāt* hukum dan lain-lain. Pada hadith pertama sahaja, beliau telah mengemukakan hampir 20 sub topik (Al-Bayānūnī, 2007, p. 85).

3 Ketiga: Syarah Hadith Berdasarkan Tema (*al-Sharḥ al-Mawdū‘ī*)

Pendekatan ini memfokuskan syaranan hadith pada sanad dan matan berdasarkan hadith yang dikehendaki sahaja. Kajian ini dibahagikan kepada beberapa topik, perbincangan, permasalahan, kepentingan atau selainnya. Justeru, hadith-hadith disyarahkan bergantung kepada topik yang ditetapkan. Secara praktikalnya, terdapat dua aplikasi dalam pendekatan syarah ini, iaitu mengemukakan syarah panjang terhadap perbincangan hadith dari sudut sanad dan matan atau mengemukakan syaranan ringkas berdasarkan keperluan dan objektif yang ingin dicapai (Al-Ṣadaғī, 2015, p. 26).

Sebahagian pengkaji berpandangan penamaan *al-sharḥ al-mawdū‘ī* adalah sama dengan *al-sharḥ al-taḥlīlī* (Al-Bayānūnī, 2007, p. 86), namun terdapat perbezaan antara kedua-duanya kerana *al-sharḥ al-mawdū‘ī* dikhususkan terhadap hadith-hadith yang difokuskan terhadap sesuatu topik di bawah perbincangan hadith bagi mengetahui pendirian *Sunnah* dalam sesuatu perkara (Tariq ‘al-Awdah, 1440H, p. 182). Manakala dari sudut istilah *hadīth al-mawdū‘ī* pula, ia merupakan istilah kontemporari yang digunakan pada era semasa sebagaimana istilah *tafsīr al-mawdū‘ī* yang digunakan oleh *mufassir* dalam kajian tafsir berkaitan topik-topik tertentu berkaitan perbincangan al-Quran al-Karim (Al-Khālidī, 2012, p. 34). Antara karya yang dihasilkan dalam kategori ini ialah *Khalq Afāl al-‘Ibād*, *al-Qirāah Khalf al-Imām* dan *Raf‘u al-Yadayn fī al-Ṣalāh* oleh al-Bukhārī. Karya-karya ini menghimpunkan hadith-hadith yang mempunyai topik yang sama. Lalu disusun dan diletakkan sub topik bagi hadith-hadith tersebut, lalu diberikan ulasan (*ta’līq*) secara ringkas. Pengkaji mendapati, karya syarah hadith berkonseptan pendekatan ini banyak ditulis oleh pensyarah-pensyarah hadith kontemporari.

4 Keempat: Syaranan hadith secara bercampur (*al-Sharḥ al-Muzjī*)

Iaitu mencampurkan antara matan hadith yang asli dengan syarah hadith. Sebahagian pengkaji menamakannya sebagai *al-Sharḥ al-Mamzūjī* (Al-Bayānūnī, 2007, p. 87). Justeru, pendekatan syarah ini menyebut nas hadith secara sanad dan matan secara bercampur kedua-duanya di dalam syaranannya. Hal ini bermaksud pensyarah menyebut lafadz hadith atau ungkapan sanad hadith atau matannya, lalu disebutkan sebelum atau selepasnya ucapan pensyarah hadith.

Apabila ucapan ini dibacakan bersama dengan ungkapan matan, maka pembaca dapat memahaminya dengan jelas maknanya (Ibn Sayyid al-Nās, 1409H, p. 1:91-92). Antara contoh karya syarah hadith yang mengaplikasikan pendekatan ini ialah *Irshād al-Sārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* oleh al-Qaṣṭalānī.

Latar Belakang Dan Pengaruh Penulisan Dakwah Al-Marbawi

Latar belakang dan peristiwa-peristiwa masa lampau menunjukkan proses perjuangan manusia mencapai peri kehidupan kemanusiaan yang lebih sempurna dan sebagai ilmu yang berusaha mewariskan pengetahuan tentang masa lalu suatu masyarakat tertentu (Nasir, R., & Abdullah, R. S., 2021, p. 106). Justeru, pengkaji akan mengemukakan latar belakang dan pengaruh penulisan dakwah al-Marbawi. Nama lengkap al-Marbawi ialah Mohamed Idris bin Abdul Raof bin Ja'far bin Idris (Mat Ludin, I., 1991, p. 1. Zakaria, A. R., 2007, p. 91). Beliau lebih dikenali dengan nama Syeikh al-Marbawi sempena nama kampung asal keluarganya iaitu Kampung Lubuk Merbau, Kuala Kangsar, Perak (Nordin, M. N. et al., 2008, p. 17). Selain itu, beliau turut menisahkan dirinya sebagai al-Azhari sempena tempat pendidikan peringkat tinggi beliau di Universiti al-Azhar, Mesir. Berdasarkan pandangan paling tepat, al-Marbawi dilahirkan pada 28 Zulkaedah 1313 Hijrah (Al-Marbawi, 1990, p. 292) bersamaan 12 Mei 1896M di Kampung Masfalah, Makkah (Saman, T., 1993, p. 78. Abdullah, M., 2009, p. 83). Manakala beliau meninggal dunia pada 13 Oktober 1989, jam 8.30 pagi di Hospital Besar Ipoh, Perak ketika berusia 93 tahun. Jenazah beliau dikebumikan di Perkuburan Islam Lubuk Merbau, Kuala Kangsar (Al-Marbawi, 1990, p. 292. Ahmad Shah, F., 2013, p. 38).

Al-Marbawi berkesempatan menimba ilmu di tiga buah negara iaitu Makkah, Tanah Melayu dan Mesir (Ab Razak, M. S. & Shamsudin, R., 2021, p. 173). Al-Marbawi mendapat pendidikan awal di Mekah pada usia empat tahun. Pada usia enam tahun, beliau belajar di sekolah Masfalah di Kota Makkah dan berjaya menghafaz 16 juzuk al-Quran ketika berumur 10 tahun (Mat Ludin, I., 1991, p. 7). Beliau turut mempelajari ilmu-ilmu asas berkaitan syariah dan bahasa Arab (Al-Marbawi, 1990, p. 292) dan menghafaz kitab-kitab ilmu syariah (Saman, T., 1993, p. 78). Beliau menamatkan pengajian di Mekah pada umur 10 tahun (Mat Ludin, I., 1991, p. 7).

Pada tahun 1902, al-Marbawi pulang ke Tanah Melayu bersama keluarganya dan menetap di Lubuk Merbau, Kuala Kangsar, Perak. Di sini beliau meneruskan pendidikan di Sekolah Melayu Lubuk Merbau ketika berusia 11 tahun dan menamatkan persekolahan pada usia 15 tahun, setelah lulus darjah lima (Muhamad Shukri, A. S., 2003, p. 87). Setelah itu, beliau melanjutkan pengajiannya di Pondok Syeikh Wan Muhammad yang terletak di Bukit Candan, Kuala Kangsar, Perak (Che Daud, I., 2001, p. 652). Tiga tahun kemudian (Saman, T., 1993, p. 78), al-Marbawi meneruskan pengajian ke Pondok Tuan Hussain Kedah di Kedah (Abdul Majid, L., 2019, p. 47-49). Kemudiannya ke Pondok Syeikh Ahmad Fatani di Padang Lalang Bukit Mertajam, Pulau Pinang selama empat tahun (Saman, T., 1993, p. 78). Pada tahun 1919, al-Marbawi merantau jauh ke negeri Kelantan untuk menuntut ilmu di Pondok Tok Kenali, Kelantan. Setelah empat tahun di pondok tersebut, al-Marbawi pulang ke Lubuk Merbau iaitu pada tahun 1923 (Ahmad Shah, F., 2013, p.7). Kepulangan beliau daripada Pondok Tok Kenali menjadi penamat kepada perjalannya menuntut ilmu di Tanah Melayu (Ab Razak, M. S. & Shamsudin, R., 2021, p. 176).

Pada Mac 1924, al-Marbawi memulakan pengajian di Universiti al-Azhar, Mesir (Haris A. H. 2019, p. 97). Di sini, beliau mengikuti dua sistem pengajian secara serentak iaitu pengajian

formal di Universiti al-Azhar dan pengajian tidak formal di kelas-kelas pengajian *talaqqi* yang diadakan di masjid-masjid sekitar al-Azhar (Ab Razak, M. S. & Shamsudin, R., 2021, p. 176). Sekalipun sistem pengajian di Universiti al-Azhar sukar, namun beliau tetap berjaya mendapat *Shahādah Āliyyah* daripada Universiti al-Azhar. Bahkan beliau merupakan antara pelajar terawal yang mendapat shahadah tersebut (Saman, I., 1993, p. 80). Setelah tamat pengajian di Universiti al-Azhar, al-Marbawi tidak pulang terus ke Tanah Melayu, sebaliknya terus menetap di Kaherah, Mesir. Beliau hanya pulang ke Tanah Melayu pada tahun 1967. Justeru, beliau dianggap sebagai pelajar Melayu yang mempunyai pengalaman yang luas tentang keadaan Mesir dan pembelajaran di Universiti al-Azhar (Haris, A. H., 2019, p. 108).

Sepanjang pengajian al-Marbawi, pengkaji mendapati terdapat tiga orang guru yang sangat mempengaruhi beliau dalam dunia penulisan dakwah. Tiga guru tersebut adalah sebagaimana berikut:

Pertama: Tuan Hussain Kedah

Tuan Hussain Kedah atau nama penuh beliau ialah Hussain Nasir bin Muhammad Taib al-Mas'udi al-Banjari merupakan antara ulama Kedah yang terkemuka dan termasyhur pada awal abad ke-20 Masihi (Abdul Majid, L., 2019, p. 47-49). Di Pondok Tuan Hussain Nasir Kedah inilah al-Marbawi menuntut ilmu agama. Menurut Ahmad Shah, F. (2013, p. 5), sistem pendidikan di pondok ini bersifat intensif dan menyeluruh. Hal ini mendorong al-Marbawi mempelajari pendidikan ilmu Islam dengan lebih mendalam.

Keistimewaan yang ada pada Tuan Hussain Kedah bukan sekadar kemampuan mengajar kitab, bahkan beliau merupakan seorang ulama yang produktif dalam penghasilan pelbagai karya berkaitan ilmu syariat. Hal ini terbukti melalui 19 buah kitab yang berjaya dihasilkan meliputi pelbagai bidang seperti fikah, usuluddin, tasawuf, hadith dan pengetahuan umum yang berorientasikan pemikiran syariat (Zainol Abidin, T., 1983, p. 131. Shukri Ahmad. 2001, p. 99-100). Antara 19 karya beliau ialah *Al-Nūr al-Mustafid fī 'Aqāid Ahl al-Tawhīd* (tauhid), *Bidāyah al-Tālibīn* (tasawuf), *Bunga Geti* (hukum sembahyang *qaḍā'*), *Hidāyat al-Atfāl* (tauhid), *Hidāyat al-Ghilmān* (tauhid), *Hidāyat al-Mutafakkirīn fī Taḥqīq Rabb al-Ālamīn* (tauhid), *Hidāyat al-Nikāḥ* (hukum perkahwinan), *Hidāyat al-Šibyān* (tauhid dan ibadat), *Kasr al-Iksīr* (panduan mengenal diri), *Majmū‘ al-Lā'i* (soal jawab fekah), *Malāqit al-Lāmiyah wa al-Shaftyah* (ilmu saraf), *Nayl al-Marām fī mā Yujiбу Ḥusn al-Khitām* (tauhid), *Qatr al-Ghaythiyah* (tasawuf), *Tabṣirah li Ulī al-Albāb* (tauhid), *Tadhkīr Qabā'il al-Qādī* (hadith), *Tafrīh al-Šibyān* (sirah), *Tamrīn al-Šibyān* (tauhid), *Tanbīh al-Ikhwān fī Tadbīr al-Ma'iṣhiyyah wa Tasiḥ al-Buldān* (urusan kehidupan dan pembangunan negara) dan *Uṣūl al-Tawhīd* (tauhid dan fikah) (Zainol Abidin, T., 1983, 70-71).

Berdasarkan kepelbagaian karya-karya yang dihasilkan, pengkaji mendapati Tuan Hussain Kedah bukan sekadar memfokuskan berkaitan ilmu akidah, fikah dan tasawuf sahaja, bahkan beliau turut memberi tumpuan kepada ilmu hadith melalui karyanya *Tadhkīr Qabā'il al-Qādī* yang merupakan sebuah karya terjemahan kepada kitab *Jawāhir al-Bukhārī* oleh al-Qastalānī. Penumpuan terhadap ilmu ini merupakan satu keistimewaan bagi pusat pengajian pondok beliau pada waktu itu. Bahkan pengkaji berpandangan bahawa pendedahan awal al-Marbawi terhadap pengajian hadith dan karya hadith secara khusus bermula ketika beliau belajar di pondok ini.

Kedua: Tok Kenali

Pada tahun 1919, al-Marbawi merantau menuntut ilmu di Pondok Tok Kenali, Kelantan (Ahmad Shah, F., 2013, p. 5-6). Tok Kenali atau nama asalnya Muhammad Yusuf bin Ahmad merupakan seorang tokoh yang begitu optimis dalam merencanakan usaha dakwah dan sentiasa menyuarakan idea bagi memperhebatkan lagi ajaran Islam, khususnya di gugusan Kepulauan Melayu (Yaacob, A., et al., 2021, p. 113). Dalam bidang pendidikan, Tok Kenali merupakan seorang penterjemah buku-buku agama seperti *Tafsīr al-Khāzin* dan *Tafsīr Ibn Khāṭir*, namun kemudiannya beliau terpaksa berundur lebih awal meninggalkan profesion tersebut atas alasan kesihatan yang tidak mengizinkan. Selain pernah menterjemah kitab-kitab agama, Tok Kenali juga pernah membukukan kerja penulisan tatabahasa Arab yang diberi nama *al-Durūs al-Kenāliyyah al-Ibtidāiyyah*. Kemudiannya karya ini ditulis semula oleh pelajarnya iaitu Haji Salahuddin Pulau Pisang, lalu menerbitkannya. Berdasarkan didikan daripada Tok kenali lah, al-Marbawi berjaya menjadi penulis pertama kamus Arab-Melayu (Yaacob, A., et al., 2021, p. 115-116).

Tambahan itu, Tok Kenali juga menjadi pengarang kepada Majalah Pengasuh. Majalah ini merupakan majalah yang paling panjang tempoh penerbitannya di Malaysia dan masih diterbitkan sehingga ke hari ini. Penerbitan majalah ini juga merupakan antara aktiviti awal penubuhan Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, MAIK. Andai pada tahun 2013, Majalah Pengasuh telah memasuki usianya yang ke-95 tahun (Abdul Hamid, F. A. F., 2013, p. 64), maka tahun 2024, majalah ini telah memasuki usia 106 tahun penerbitan.

Ketika di pondok tersebut, beliau lebih menumpukan pengajian dalam ilmu-ilmu *nāḥw* dan tatabahasa Arab. Hal ini demikian, kerana Tok Kenali merupakan seorang tokoh besar yang telah berjaya membawa kemunculan pengajian tatabahasa Arab, *nāḥw*, *ṣarf*, *balāghah* dan ‘*arūḍ* dalam sistem pengajian pondok pada masa itu (Ismail Yusoff, 1995, p. 22). Kelebihan ini telah dimanfaatkan oleh al-Marbawi sehingga beliau berjaya mengkhatamkan kitab-kitab *nāḥw* dan *ṣarf* seperti *Matan al-Ājrūmiyyah*, *al-Mutammimah*, *Qaṭr al-Nadā*, *Shudhur al-Dhahab*, *Sharḥ Ibn ‘Aqīl* dan *Ishmūnī* sepanjang empat tahun beliau berada di pondok tersebut (Ahmad Shah, F., 2013, p. 6-7). Berdasarkan latar belakang Tok Kenali, pengkaji mendapati Tok Kenali banyak mempengaruhi dan mendorong al-Marbawi untuk terlibat secara aktif dalam dunia penulisan. Bahkan menurut Ahmad Shah, F. (2013, p. 17-18), dunia penulisan telah sebatи dalam jiwa al-Marbawi sejak beliau menimba ilmu di Pondok Tok Kenali.

Ketiga: Muḥammad bin Ibrāhīm al-Samālūṭī

Al-Samālūṭī atau nama penuh beliau Muḥammad bin Ibrāhīm bin ‘Alī al-Ḥumaydī al-Samālūṭī al-Miṣrī al-Mālikī al-Azharī merupakan Ahli Lembaga Tertinggi Ulama al-Azhar dan ulama hadith yang masyhur di Kaherah, Mesir sekitar tahun 1920-an (Monika, et al., 2011, p. 3). Beliau memiliki pelbagai sanad dalam ilmu hadith dan mempunyai rangkaian sanad sehingga bertemu dengan al-Bukhārī (Ahmad ‘Umar Hāshim, t.t, p. 378). Al-Marbawi menyatakan secara jelas pengalaman belajar dengan beliau dan memujinya sebagaimana berikut:

“Kepada aku tiap-tiap kali mengaji dan mengadap guruku *ḥadrat ṣāhib al-faḍīlah mawlānā murabbī arwāḥanā al-ustādh al-akbar*: al-Shaykh Muḥammad Ibrāhīm al-Samālūṭī *min hay-ah kibār ulamā’ al-Azhar al-Sharīf* guru hadith yang masyhur mengajar berpuluhan-puluhan tahun di Jāmi‘ Sayyidina Husayn (cucu Rasulullah) di kota Qāhirah (Mesir) dekat Azhar al-Sharīf, sudahlah aku berasa minum madu, dengan kerana itulah bersungguh aku tiap-

tiap pagi pergi menerima padanya dengan ketiadaan luku... Kepadanya dengan beberapa banyak ulama yang mendapat *shahādah* tinggi dan rendah. Dan beberapa ratus murid Azhar." (Al-Marbawi, 1933, p. 1:2).

Sepanjang tempoh pengajian al-Marbawi bersama al-Samālūtī, pengkaji mendapati al-Marbawi berkesempatan untuk mempelajari dua buah kitab utama dalam bidang hadith iaitu *Sahīh Muslim* dan *Jāmi‘ al-Tirmidhī*. Antara dua kitab ini, al-Marbawi terlebih dahulu mempelajari kitab *Sahīh Muslim* dan kemudiannya beliau mempelajari *Jāmi‘ al-Tirmidhī* (Al-Marbawi, 1933, p. 1:2). Kesungguhan dan ketekunan al-Marbawi mengikuti pengajian bersama al-Samālūtī, khususnya pengajian *Jāmi‘ al-Tirmidhī* terbukti apabila setiap kali beliau pulang daripada pengajian, beliau akan membuat catatan tentang hasil pengajian tersebut (Al-Marbawi, 1933, p. 1:3). Lebih daripada itu, beliau bukan sekadar menulis ilmu dan maklumat yang diperolehi daripada kelas pengajian, bahkan turut membuat catatan tambahan dengan merujuk kepada kitab-kitab yang lain. Berkat kesungguhan ini telah mendorong beliau menelaah kitab tersebut sebanyak tujuh kali dan menghabiskan masa selama sepuluh tahun untuk menterjemah dan menghuraikan *Jāmi‘ al-Tirmidhī* ke dalam bahasa Melayu sehingga lahirnya kitab *Bahr al-Mādhī* (Muhamad Shukri, 2003, p. 112).

Berdasarkan latar belakang pengajian al-Marbawi dan penglibatan beliau dalam dunia penulisan, beliau telah memperuntukkan sebahagian besar masa beliau untuk menulis dan menterjemah buku. Penulisan beliau semakin berkembang sehingga beliau berjaya menghasilkan pelbagai karya yang merangkumi pelbagai bidang ilmu seperti kamus, tafsir, hadith, fekah, tasawuf dan tauhid. Bagi karya genre kamus, beliau berjaya menghasilkan lima buah kamus iaitu Kamus al-Marbawi, Kitab Perbendaharaan Ilmu, Ringkasan Kamus Melayu-Arab Bergambar dan Teladan Belajar Arabnya Yang Senang, Kamus *al-Jayb ‘Arabi-Melayu Latin* dan *Mu‘jam al-Kāinah*. Bagi genre tafsir, terdapat tiga karya beliau iaitu Tafsir Qur'an al-Marbawi - Juzuk ﷺ, Tafsir Surah Yasin Bahasa Melayu dan Quran Bergantung Makna Melayu. Bagi genre hadith, terdapat tiga karya beliau iaitu *Bahr al-Mādhī li Sharḥ al-Mukhtaṣar Sahīh al-Tirmidhī*, *Idangan Guru Sahīh al-Bukhārī wa Muslim* dan *Bulūgh al-Marām Serta Terjemahan Melayu*. Adapun genre fikah, tasawuf dan tauhid, beliau menghasilkan sebanyak tiga buah buku iaitu Punca Agama dan Pati Hukum Ibadat, Nizam al-Hayat Atau Peraturan Hidup Umat Islam dan Asas Islam (Ab Razak., M. S., 2022, p. 216-217). Walaupun hanya 14 karya yang berjaya ditemui, Hussin, H., et al., 2016, p. 26) berpandangan bahawa mungkin banyak lagi karya beliau yang belum dicetak kerana sebahagiannya masih dalam bentuk manuskrip atau tidak sampai kepada generasi kini.

Al-Marbawi bukan sekadar berjaya menghasilkan pelbagai karya-karya dakwah, bahkan beliau turut terlibat secara langsung dalam urusan percetakan buku (Deraman, F. et al, 2010, p. 41-42). Selain itu, beliau turut terlibat secara langsung sebagai pentashih kitab-kitab Jawi sebelum diterbitkan oleh syarikat percetakan seperti Syarikat Percetakan Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah dan sebagainya (Ahmad Ishak, M. S. & Othman, M. R., 2000, p. 67). Antara kitab beliau *tashīh*-kan ialah kitab *Sirāj al-Qārī*, *Sirāj al-Hudā*, *Tāj al-Mulk al-Murassā*, *al-Yawāqit wa al-Jawāhir* dan *Bidāyah al-Mubtadī wa ‘Umdah al-Awlād*.

Karya Syarah Hadith Al-Marbawi

Pengkaji mendapati terdapat tiga karya hadith yang dihasilkan oleh al-Marbawi iaitu *Bahr al-Mādhī li Sharḥ al-Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*, *Idangan Guru Ṣaḥīḥ al-Bukhārī wa Muslim* dan *Bulūgh al-Marām Serta Terjemahan Melayu*. Pada bahagian ini, pengkaji akan memperkenalkan latar belakang karya syarah hadith tersebut sebagaimana berikut:

Pertama: *Bahr al-Mādhī li Sharḥ al-Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*

Nama karya ini dinyatakan secara jelas oleh al-Marbawi (1933, p. 1:3) pada mukadimah kitab. Pengkaji mendapati karya ini terdiri daripada 22 juzuk, 2781 hadith, 5068 halaman, 46 kitab, 1831 bab dan 8390 masalah. Menurut Zakaria A. R., 2007, p. 116), karya ini merupakan karya terbesar dan terawal dalam tulisan jawi di Alam Melayu. Oleh yang demikian, kitab ini merupakan sumbangan terbesar al-Marbawi dalam bidang hadith di Malaysia (Ab Razak. M. S., 2022, p. 219). Karya ini mula dicetak secara berperingkat-peringkat bermula tahun 1933M, manakala cetakan juzuk terakhir pada bulan Ramadan 1379H, bersamaan Mac 1960M oleh *Maktabah wa Maṭba‘ah al-Bābī al-Halabī wa Awlāduh*. Oleh itu, karya ini mengambil masa selama 27 tahun untuk menyempurnakan percetakan dan penerbitannya (Ab Razak. M. S., 2022, p. 220).

Kedua: *Idangan Guru Ṣaḥīḥ al-Bukhārī wa Muslim*

Kitab Idangan Guru merupakan sebuah karya syarah hadith terhadap hadith yang dipilih daripada *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim*. Karya ini dihasilkan dalam dua jilid yang nipis dan mengandungi 41 hadith. Jilid pertama memuatkan sembilan hadith dengan ketebalan 216 muka surat, manakala jilid kedua memuatkan 32 hadith dengan ketebalan 160 muka surat. Karya ini berjaya disiapkan pada awal Rabiul Akhir 1358H (Ab Razak. M. S., 2022, p. 293-294). Menurut Zakaria, A. R., (2007, p. 89), daripada 41 hadith yang dipilih, 19 hadith adalah hadith yang disepakati oleh al-Bukhārī dan Muslim, 15 hadith riwayat al-Bukhari dan tujuh hadith riwayat Muslim. Selain itu, al-Marbawi (1935, p. 2) cenderung untuk memilih hadith yang paling panjang sekiranya terdapat hadith lain yang berulang-ulang, sama ada diambil daripada *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* atau *Ṣaḥīḥ Muslim* (Ab Razak. M. S., 2022, p. 295).

Ketiga: *Bulūgh al-Marām Serta Terjemahan Melayu*

Karya ini merupakan karya kedua yang mendapat sambutan selepas *Bahr al-Mādhī* dan karya ini masih dicetak serta masih terdapat dipasaran. Karya ini berjaya disiapkan pada hari Ahad, 17 Syawal 1383H bersamaan awal bulan Mac 1964M (Al-Marbawi, 2013, p. 773). Ia merupakan karya terjemahan dan syarah hadith kepada kitab *Bulūgh al-Marām min Adillah al-Aḥkām*, karangan Ibn Hajar al-‘Asqalānī yang merupakan sebuah karya hadith hukum. Karya ini mengandungi 1370 hadith yang disusun dalam 16 kitab yang dipecahkan kepada 97 bab berkaitan fikah dengan ketebalan 782 halaman. Bilangan hadith pula diletakkan berdasarkan bab yang ditetapkan oleh Ibn Hajar. Pada awalnya, karya ini dicetak dan diterbitkan oleh *Maṭba‘ah al-Marbawiyah* dan *Maṭba‘ah al-Anwār al-Muhammadiyyah* di Kaherah, Mesir (Zakaria, A. R., 2007, p. 109-110).

Pendekatan Penulisan Dakwah Al-Marbawi

Dalam menghasilkan karya syarah hadith, pengkaji mendapati al-Marbawi mengaplikasikan pendekatan penulisan dakwah syarah hadith yang berbeza antara karya-karya yang beliau hasilkan. Pada bahagian ini, pengkaji akan mengemukakan dapatan kajian yang menunjukkan pendekatan penulisan dakwah yang diaplikasikan oleh al-Marbawi dalam karya beliau daripada beberapa aspek, antaranya ialah:

Pertama: Pemilihan Karya Utama Hadith

Al-Marbawi telah memilih karya-karya utama dan berpengaruh dalam ilmu hadith untuk diterjemahkan dan disyarahkan. Hal ini jelas apabila karya *Bahr al-Mādhī* merupakan karya syarahan kepada kitab *al-Jāmi'* oleh Abū 'Isā al-Tirmidhī. Jusul asal karya ini ialah *al-Jāmi' al-Mukhtaṣar min al-Sunan 'an Rasūlillāh Ṣallallāhu 'Alayhi wa Sallam wa Ma 'rifah al-Ṣaḥīḥ wa al-Ma 'lūl wa ma 'Alayhi al- 'Amal* (Abū Ghuddah, A. F., 1993, p. 76). Karya ini yang merupakan salah satu karya utama dalam bidang hadith dan dikategorikan sebagai *al-Sunan al-Sittah* yang telah mendapat pujian daripada ramai para ulama daripada pelbagai generasi (Ibn Kathir, 1986, p. 11:77. Al-Dhahabi, 1985, p. 13:274-277). Menurut Ibn al- 'Arabī (1418H, p. 1:5-6), karya ini mengandungi 14 ilmu. Ia merangkumi sanad, penilaian ke-ṣaḥīḥ-an dan ke-ḍa'iṭ-an, kepelbagaian jalur periwayatan, kelemahan perawi, sifat ḍā'il perawi, nama-nama perawi, gelaran perawi, bersambung sanad, terputus sanad, hadith yang diamalkan dan hadith yang tidak diamalkan, penjelasan tentang perbezaan ulama dalam menerima dan menolak hadith dan perbezaan dalam mensyarahkan hadith. Justeru, Ibn al-Athīr (196, p. 1:193-194) menegaskan betapa kitab ini merupakan kitab yang terbaik, paling banyak faedah, paling cantik susunannya dan paling sedikit pengulangan hadith. Tambahan itu, karya ini mengandungi faedah yang tidak terdapat dalam kitab hadith lain seperti menyatakan mazhab para imam, kaedah pendalilan daripada hadith, menjelaskan status hadith secara jelas dan maklumat berkaitan *al-jarh wa al-ta'ḍīl*.

Seterusnya karya *Idangan Guru* pula merupakan karya syarah hadith terhadap hadith-hadith *sahīh* riwayat al-Bukhārī dan Muslim yang diambil daripada kitab *Jāmi' al-Ṣaḥīḥ* mereka berdua. Keistimewaan kedua-dua karya tersebut tidak dipertikaikan lagi kebebasan dan besarnya manfaat kepada umat sehingga al-Nawawī (2009, p. 47) menyatakan bahawa kedua-dua karya ini merupakan karya yang paling *ṣaḥīh* dikarang oleh manusia. Justeru, para ulama memuji kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, bahkan seluruh umat Islam bersepakat menerima karyanya serta mengakui ke-ṣaḥīḥ-an kandungannya (Ibn Kathīr, 1997, p. 14:527). Demikian juga dengan *Ṣaḥīḥ Muslim* yang merupakan karya kedua selepas *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Abū Zahw, 1984, p. 381).

Manakala karya *Bulūgh al-Marām Serta Terjemahan Melayu* secara jelas ia merupakan sebuah karya terjemahan daripada karya *Bulūgh al-Marām* oleh Ibn Hajar. Menurut Māhir al-Fahl (Ibn Hajar, 2014, p. 6), kitab ini merupakan antara kitab yang diberikan perhatian oleh penuntut ilmu daripada peringkat permulaan dan ilmuwan terulung kerana hadith-hadith dalam kitab ini merupakan hadith-hadith fikah. Tambahan pula, fikah itu sangat penting kerana ia merupakan buah kepada ilmu syariat. Oleh yang demikian, karya ini mendapat perhatian ramai ulama yang mensyarahkan karya ini daripada pelbagai generasi sehingga ke hari ini.

Kedua: Pemilihan Hadith

Pengkaji mendapati al-Marbawi turut melakukan pemilihan hadith dalam karya tertentu yang beliau hasilkan. Berdasarkan judul penuh kitab *Bahr al-Mādhī li Sharḥ al-Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*, al-Marbawi menyatakan *al-mukhtaṣar* yang menunjukkan secara jelas bahawa karya tersebut merupakan karya ringkas. Pengkaji mendapati al-Marbawi tidak menyatakan metodologi ringkas yang beliau aplikasikan. Namun, para pengkaji mendapati *mukhtaṣar* yang dimaksudkan ini merangkumi beberapa aspek seperti tidak memasukkan kesemua hadith yang terdapat dalam kitab *Jāmi' al-Tirmidhī*, menggugurkan sanad melainkan perawi tertinggi dan menukikan sebahagian sahaja maklumat yang dinyatakan dalam kitab *al-Jāmi'* seperti maklumat *wa fī al-bāb*, amalan *fuqahā'* dan sebagainya (Deraman, F., et al., 2010, p. 53). Selain

itu, pengkaji mendapati al-Marbawi hanya memilih hadith yang *sahīh* sahaja di dalam sesuatu bab sekiranya tiada keperluan untuk memasukkan hadith *da’īf*. Hal ini bertepatan dengan judul karya yang beliau tetapkan iaitu *Sahīh al-Tirmidhī*. Oleh yang demikian, al-Marbawi hanya mensyarahkan hanya 2781 buah hadith sahaja daripada kitab *Jāmi‘ al-Tirmidhī*.

Karya *Idangan Guru Sahīh al-Bukhārī wa Muslim* pula melibatkan 41 buah hadith yang dipilih. 19 buah hadith merupakan hadith-hadith yang disepakati oleh al-Bukhārī dan Muslim, 15 buah hadith yang diriwayatkan secara bersendirian oleh al-Bukhārī dan tujuh buah hadith yang diriwayatkan secara bersendirian oleh Muslim (Zakaria. A. R., 2007, p. 89). Selain itu, al-Marbawi mempunyai kecenderungan untuk memilih hadith yang paling panjang sekiranya terdapat hadith lain yang berulang-ulang; sama ada di dalam *Sahīh al-Bukhārī* atau *Sahīh Muslim*, sedangkan intipati hadith tersebut telah dinyatakan pada hadith yang panjang (Al-Marbawi, 1935, p. ۱).

Sebaliknya bagi karya *Bulūgh al-Marām*, al-Marbawi menterjemahkan dan mensyarahkan kesemua 1370 hadith yang terdapat dari karya asalnya. Lalu karya ini disusun dalam 16 kitab dan dipecahkan kepada 97 bab yang berkaitan bab fikah. Walau bagaimanapun, al-Marbawi meletakkan bilangan hadith berdasarkan bab.

Ketiga: Fokus Syarah Hadith

Dari sudut fokus dan tumpuan syarah hadith, al-Marbawi telah menghuraikan 2781 buah hadith dalam *Bahr al-Mādhī* secara mendalam dan terperinci dan merangkumi persoalan akidah, fikah, tafsir, tasawuf, muamalat, sejarah dan sebagainya mengikut kesesuaian dengan hadith (Ahmad, K., et al., 2011, p. 4). Walau bagaimanapun, huraian hadith berdasarkan *hadith-fiqh* merupakan fokus utama dalam karya ini. Atas dasar ini, karya ini mempunyai perbezaan yang sangat ketara berbanding karya-karya penulis lain disebabkan beliau mempersemprehankan interaksi yang erat antara hadith dan fikah dalam syaran hadith. Tambahan itu, karya ini memberikan nafas baru terhadap pemahaman *hadīth-fiqh* secara mendalam di samping mendidik masyarakat Malaysia tentang hubungan yang erat antara kedua-duanya. Lebih menarik lagi, Ahmad Shah, F., (2013, p. 230-236) mendapati al-Marbawi turut mempersemprehankan syarah hadith mengikut acuan dan suasana masyarakat Malaysia.

Pendekatan yang hampir sama turut diaplakasikan dalam karya *Idangan Guru*. Al-Marbawi telah menghuraikan sesebuah hadith merangkumi persoalan akidah, fikah, tafsir, tasawuf, sejarah dan sebagainya. Namun, aspek yang membezakan karya ini dengan *Bahr al-Mādhī* ialah keseluruhan karya ini menghuraikan hadith dengan mengaplikasikan kaedah soal jawab antara guru dengan murid. Justeru, setiap persoalan yang berkaitan dengan hadith akan dikemukakan pertanyaan oleh murid dan akan dijawab oleh guru.

Bagi karya *Bulūgh al-Marām Serta Terjemahan Melayu*, 1370 hadith yang terdapat dalam karya ini sebagaimana karya asalnya adalah bab fikah. Justeru, fokus syarah hadith dalam karya ini adalah memfokuskan permasalahan fikah sahaja. Namun, aspek lain seperti perawi dan kedudukan hadith turut dibincangkan secara ringkas kerana ia turut berkait dengan *fiqh al-hadīth*.

Keempat: Pemilihan Pendekatan Syarah Hadith

Melalui karya *Bahr al-Mādhī*, pengkaji mendapati al-Marbawi mengaplikasikan pendekatan syarah hadith secara terperinci atau *al-sharḥ al-taḥlīlī*. Oleh itu, beliau mensyarahkan 2781 hadith daripada *Jāmi‘ al-Tirmidhī* dengan mengemukakan sebanyak 46 kitab, 1831 bab dan 8390 masalah. Kesemua ini dihimpunkan dalam karya setelah 5068 halaman dan dijilidkan menjadi 22 juzuk. Oleh yang demikian, syarah hadith yang dikemukakan begitu luas sehingga melibatkan permasalahan berkaitan akidah, fikah, tafsir, tasawuf, muamalat, sejarah dan sebagainya. Demikian juga karya *Idangan Guru*, pengkaji mendapati al-Marbawi mengaplikasikan pendekatan syarah hadith secara terperinci atau *al-sharḥ al-taḥlīlī* dalam karya ini. Antara pendekatan yang digunakan oleh al-Marbawi dalam mensyarahkan sesebuah hadith secara terperinci adalah merangkumi persoalan akidah, fikah, tafsir, tasawuf, sejarah dan sebagainya. Sekalipun hanya 41 hadith sahaja yang disyarahkan, namun ia melibatkan sebanyak 376 halaman yang padat dengan tulisan yang kecil.

Pendekatan ini berbeza dengan karya *Bulūgh al-Marām*. Melalui karya ini, al-Marbawi mengaplikasikan pendekatan syarah hadith secara ringkas (*al-sharḥ al-ijmālī*) dengan kaedah mengemukakan *ta‘līqāt*. Di sini al-Marbawi membahagikan karya ini kepada dua bahagian; iaitu bahagian teks hadith bersama terjemahan yang diletakkan di bahagian utama halaman, manakala syarah hadith diletakkan di bahagian nota kaki (Ab Razak. M. S., 2022, p. 313). Berdasarkan kaedah ini, syarah hadith yang dikemukakan adalah lebih kecil dan lebih ringkas berbanding syarah dan tafsir hadith yang lain.

Kelima: Pendekatan Mengemukakan Teks Dan Terjemahan Hadith

Al-Marbawi telah mengaplikasikan pendekatan yang hampir sama dalam karya *Bahr al-Mādhī* dan *Idangan Guru* dari sudut pendekatan mengemukakan teks dan terjemahan hadith. Antara pendekatan yang diaplikasikan oleh beliau adalah sebagaimana berikut:

- i) Al-Marbawi mengemukakan teks asal hadith dalam bahasa Arab yang berbaris. Teks hadith tersebut mengandungi perawi tertinggi hadith, matan hadith dan hukum bagi hadith tersebut. Kesemua perkara ini diterjemahkan oleh al-Marbawi melainkan hukum hadith sahaja. Teks hadith ini diletakkan pada bahagian atas halaman perbincangan hadith tersebut. Berdasarkan pemerhatian, pengkaji mendapati al-Marbawi konsisten dalam mengemukakan pendekatan tersebut terhadap kesemua hadith yang menjadi pilihannya. Namun demikian, terdapat juga hadith yang tidak dinyatakan hukum hadith pada bahagian ini. Hal ini demikian kerana al-Tirmidhī tidak mengemukakan hukum hadith tersebut secara jelas sebagaimana hukum bagi hadith-hadith yang lain.
- ii) Al-Marbawi menghuraikan hadith dengan mengemukakan judul bab. Pada judul bab ini, beliau mengemukakan judul bab asal dalam Bahasa Arab, lalu menterjemahkannya ke dalam Bahasa Melayu. Di samping itu, al-Marbawi turut menambah beberapa elemen bagi membantu kefahaman para pembaca memahami hadith seperti mengemukakan huraian maksud perkataan atau istilah yang sukar difahami yang terdapat pada judul bab, mengemukakan permasalahan secara ringkas yang berkaitan hadith utama dan mengemukakan hikmah perbincangan bab yang secara tidak langsung membantu pembaca memahami rasional al-Tirmidhī meletakkan judul bab dalam karya beliau (Ab Razak, M. S., 2022, p. 223-226).

iii) Al-Marbawi mengemukakan terjemahan hadith bersama huraian ringkas. Melalui pendekatan ini, beliau mengemukakan teks hadith sebagaimana yang dikemukakan pada bahagian atas halaman, namun pada bahagian ini beliau menterjemahkan hadith tersebut bersama huraian hadith secara ringkas. Terjemahan dan huraian dilakukan pada baris yang sama, tanpa sebarang tanda yang memisahkan antara terjemahan dan huraian tersebut. Pada bahagian ini, al-Marbawi mengemukakan teks hadith dalam Bahasa Arab tanpa baris. Setelah beliau menterjemahkan hadith tersebut, beliau akan menulkirkan dan menterjemahkan pandangan al-Tirmidhī berkaitan status hadith tersebut. Secara tidak langsung juga, al-Marbawi telah mengaplikasikan pendekatan syarahan hadith secara bersampur iaitu *al-sharḥ al-mamzūjī*. Pendekatan ini tidak diaplikasikan oleh al-Marbawi dalam kitab *Bulūgh al-Marām*. Sebaliknya, al-Marbawi hanya mengemukakan hadith dan terjemahan pada bahagian atas, manakala perbincangan hukum berkaitan hadith dikemukakan pada bahagian nota kaki.

Kesimpulan

Perkembangan penulisan karya dakwah dalam dunia Islam bermula sejak zaman Nabi Muhammad SAW dan ia terus berkembang dari semasa ke semasa selaras dengan peredaran zaman. Perkembangan pesat penulisan karya dakwah ini didorong oleh faktor agama Islam yang mengarahkan umat Islam agar membaca dan menuntut ilmu. Hal ini terus didokong dengan perkembangan sejarah Islam yang sangat mementingkan ilmu dan penulisan karya. Antara karya yang mendapat perhatian tinggi dalam dunia Islam adalah penulisan karya syarah hadith. Hal ini demikian kerana hadith merupakan sumber kedua bagi agama Islam. Justeru, hal ini menuntut umat Islam untuk memahami hadith dengan benar dan tepat selari dengankehendak Nabi Muhammad SAW. Untuk memenuhi tuntutan tersebut, maka karya-karya syarah hadith perlu diterbitkan dan dihasilkan untuk umat Islam secara khusus dan seluruh manusia secara umumnya. Dalam menghasilkan karya syarah hadith, terdapat pelbagai pendekatan penulisan dalam menghasilkan karya syarah hadith seperti syarah hadith secara ringkas (*al-sharḥ al-ijmālī*), syarah hadith secara terperinci (*sharḥ al-taḥlīlī*), syarah hadith berdasarkan tema (*al-sharḥ al-mawdū’ī*) dan syarah hadith secara bercampur (*al-sharḥ al-muzjī*). Oleh itu, dengan kepelbagaiannya pendekatan penulisan dakwah dalam karya-karya syarah hadith dapat menarik perhatian sasaran dakwah dengan mudah apabila pendekatan penulisan yang digunakan mudah difahami dan disampaikan dengan cara yang jelas.

Di Alam Melayu ini, al-Marbawi merupakan tokoh yang paling awal terlibat dalam penulisan karya dakwah melalui karya syarah hadith. Berlatar-belakangkan pendidikan dari tiga buah negara dan pelbagai institusi pengajian, serta mendapat didikan daripada guru-guru yang hebat seperti , maka al-Marbawi menghasilkan tiga buah karya utama syarah hadith di Alam Melayu ini. Antara guru yang paling mempengaruhi al-Marbawi dalam dunia penulisan karya dakwah ialah Tuan Hussain Kedah, Tok Kenali dan Muḥammad bin Ibrāhīm al-Samālūṭī. Daripada didikan guru-guru yang hebat, maka lahirlah tiga karya utama syarah hadith di Alam Melayu iaitu *Bahr al-Mādhī li Sharḥ al-Mukhtaṣar Ṣahīḥ al-Tirmidhī*, *Idangan Guru Ṣahīḥ al-Bukhārī wa Muslim* dan *Bulūgh al-Marām Serta Terjemahan Melayu*.

Berdasarkan tiga karya syarah hadith tersebut, al-Marbawi telah mengaplikasikan beberapa pendekatan penulisan karya dakwah seperti pemilihan karya, pemilihan hadith, fokus syarah hadith, pemilihan pendekatan syarah hadith dan pendekatan mengemukakan teks dan terjemahan hadith. Menerusi pendekatan syarah hadith, al-Marbawi telah memilih pendekatan syarah hadith secara terperinci (*sharḥ al-taḥlīlī*) bagi karya *Bahr al-Mādhī* dan *Idangan Guru*

Sahīh. Disamping itu, al-Marbawi turut mengaplikasikan pendekatan syarah hadith secara bercampur (*al-sharḥ al-muzīj*) ketika mengemukakan terjemahan hadith pada bahagian syarah hadith. Hal ini berbeza bagi karya *Bulūgh al-Marām*, yang mana al-Marbawi mengaplikasikan pendekatan syarah hadith secara ringkas (*al-sharḥ al-ijmālī*) dengan mengemukakan *ta’līqāt* pada bahagian nota kaki.

Pendekatan yang berbeza dalam penghasilan karya dakwah berdasarkan karya syarah hadith ini memberi peluang kepada para pembaca untuk memahami hadith sama ada secara ringkas atau pun terperinci. Justeru, kepelbagaiannya ini mampu menarik minat umat Islam untuk mendekati dan berusaha untuk memahami hadith Nabi Muhammad SAW selaras dengan kehendak dan maksud asal Baginda. Tambahan itu, usaha penghasilan karya dakwah melalui karya syarah hadith perlu ditingkatkan lagi dari semasa ke semasa. Hal ini demikian kerana karya utama dalam bidang hadith dan karya syarah hadith masih asing dalam masyarakat Malaysia. Semoga akan lahir tokoh seumpama al-Marbawi yang berusaha bersungguh-sungguh dalam menerbitkan karya-karya syarah hadith di Malaysia. Namun, untuk merealisasikan hasrat dan impian tersebut, semua pihak termasuk pihak kerajaan dan bukan kerajaan perlu berkerjasama dalam merealisasikan hasrat yang murni ini.

Rujukan

- Ab Razak, M. S. & Shamsudin, R. (2021). *Ketokohan Al-Marbawi: Analisis Perkembangan Pengajian Ilmu Hadis*. ‘Abqari Journal, 25 (1), 170–188.
<https://doi.org/10.33102/abqari.vol24no2.388>

Ab Razak, M. S. (2022). *Manhaj Mukhtalif al-Hadīth Oleh al-Marbawi Dalam Bahr al-Mādhī li Sharḥ al-Mukhtaṣar Ṣahīh al-Tirmidhī*. Tesis kedoktoran, Malaysia: Universiti Sains Malaysia (USM).

Abdul Hamid, F. A. F. (2013). *Seruan Kebangkitan Islam dalam Majalah Pengasuh oleh Tok Kenali dan Za’ba*. Jurnal Usuluddin (Januari – Jun 2013) 37:57-81.

Abdul Majid, L. (2019). *The Hadiths as a Tool For Religious, Political & Sicial Teaching in the Malay Peninsula*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abd Zamani, S. N. H., Saad, N. A., Abdul Hamid, N. & Ismail, K. (2021). *Pendekatan Dakwah Kepada Saudara Baru Di Malaysia: Satu Sorotan*. Jurnal ‘Ulwan Special Issue I: Kolokium Penyelidikan Ijazah Tinggi Jilid 6 (Bil.1) 2021: 202-213.
<https://unimel.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/viewFile/854/682>

Abdullah, M. (2009). *Khazanah Tafsir Di Malaysia*. Bentong: Book Pro Publishing Service.

Abū Dāwud, S. A. (1405H). *Risālah Abī Dāwud ilā Ahli Makkah fī Wasfi Sunanīhi*. ed. Muḥammad Luṭfī al-Ṣabbāgh. Beirut: al-Maktab al-Islāmī.
 _____ (2009). *Sunan Abī Dāwūd*. Ed. Shu‘ayb al-Arna’ūt & Muḥammad Kāmil. Beirut: Dār al-Risālah al-‘Ālamiyah.

Abū Ghuddah, A. F. (1993). *Tahqīq Ismay al-Ṣahīhayn wa Ism al-Jāmi‘ al-Tirmidhī*. Halb: al-Maktab al-Maṭbū‘at al-Islāmiyyah.

Abū Ḥātim. A. R. (1371H). *Kitāb al-Jarh wa al-Ta‘dīl*. Ed. Al-Mu‘allimī. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī.

Abū Zahw, M. M. (1984). *Al-Hadīth wa al-Muhaddithūn*. Riyāḍ: al-Maktabah al-‘Ulūm al-Islāmiyyah.

Aḥmad ‘Umar Hāshim. (t.t). *Al-Muḥaddithūn fī Miṣr wa al-Azhar wa Dawruhum fī Ihyā’ al-Sunnah al-Nabawiyah al-Sharīfah*. Kaherah: Maktabah Gharīb.

- Ahmad Ishak, M. S. & Othman, M. R. (2000). *The Malays In The Middle East: With A Bibliography Of Malay Printed Works Published In The Middle East*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Ahmad Shah, F. (2013). *Biografi Ulama Malaysia Mohamed Idris al-Marbawi Penulis Karya Agung Bahru Al-Mādhī*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, K., Ariffin. S. & Abdul Razak. M. M., (2011). "Kejuhudan Sheikh Idris al-Marbawi Dalam Usaha Menghasilkan Tafsir Quran al-Marbawi." Makalah, Proceedings of The International Qur'anic Conference, Universiti Malaya, 11-12 Januari 2011.
- Al-'Umarī A. D. (1994). *Al-Sīrah al-Nabawiyah al-Sahīhah*. Madinah: Maktabah al-'Ulūm wa al-Hikam.
- Al-Badrī. A. A. (1965). *Al-Islām Bayna al-'Ulamā' wa al-Hukkām*. Madinah: al-Maktabah al-'Ilmiyyah.
- Al-Bayānūnī. F. D. (2007). "Aḍwā' 'Alā 'Ilm Sharḥ al-Hadīth." Al-Dirāsāt al-Islāmiyyah: Faṣīlah Muḥakkamah Tabḥath fī al-Dīn wa al-Thaqāfah wa al-Tārīkh wa al-Ādāb, al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah al-'Ālamiyah, Pakistan. 42(4), Oktober - Disember 2007, 69-110.
- Al-Bayhaqī. A. H. (2007). *Risālah al-Imām Abī Bakr al-Bayhaqī ilā al-Imām Abī Muhammad al-Juwainī*. Beirut: Dār al-Bashāir al-Islāmiyyah.
- Al-Bukhārī. M. I. (1422H). *Al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar min Umūr Rasūlillāh Ṣallallāhu 'Alayhi wa Sallam wa Sunanī wa Ayyāmihī: Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Ed. Mūhammad Zuhayr bin Nāṣir al-Nāṣir. Beirut: Dār Tūq al-Najāt.
- Al-Dhahabi, M. A. A. (1985). *Siyār A'lām al-Nubalā'*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Ḥākim. M. A. (1977). *Ma'rifah 'Ulūm al-Hadīth*. Ed. Al-Sayyid Mu'zam Husayn. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Khālidī, S. A.F. (2012). *Al-Tafsīr al-Mawdū 'ī Bayna al-Nazariyyah wa al-Taṭbīq*. Ammān: Dār al-Nafāis.
- Al-Khaṭīb al-Baghdādī, A. A. T. (1983). *Al-Jāmi' li Akhlāq al-Rāwī wa Ādāb al-Sāmi'*. Ed. Maḥmūd al-Tahhān. Riyād: Maktabah al-Ma'ārif.
- Al-Marbawi, M. I. A. R. (1990). *Kamus Idris al-Marbawi Arabi-Melayu*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- Al-Marbawi. M. I. A. R. (1933). *Bahr al-Mādhī Sharḥ Mukhtasar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.
- Al-Marbawi. M. I. A. R. (1935). *Kitab Idangan Guru Ṣaḥīḥ al-Bukhārī wa Muslim*. Kaherah: Matba'ah al-Marbawiyyah.
- Al-Nawawī, Y. S. (2009). *Al-Arba 'ūn al-Nawawiyah*. Jeddah: Dār al-Minhāj.
- Al-Qalqashandī. A. (1922). *Šubhu al-A'shā*. Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
- Al-Rāmahurmuzī, H. A. R. (1404). *Al-Muḥaddith al-Fāṣil Bayna al-Rāwī wa al-Wā'ī*. Ed. Muḥammad 'Ajjāj al-Khaṭīb. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Rashīdī. A. A. S. (2015). *Al-Shadharāt fī Akhbār al-Kutub wa al-Kuttāb wa al-Maktabāt*. Kuwait: Gharās li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Al-Şadafī. B. K. (2015). *'Ilmu Sharḥ al-Hadīth Dirāsah Ta'sīliyyah Manhajiyah*. Tesis kedoktoran. Kuliyah Uṣūluddīn, al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah, Ghazzah, Palestin.
- Al-Suyūtī. A. R. A. B. (1974). *Al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. ed. Muḥammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm. Kaherah: Al-Hay'ah al-Miṣriyyah al-'Āmmah li al-Kitāb.
- Bakr Abū Zayd. (1416H). *Al-Riqābah 'Alā al-Turāth*, dalam "Al-Majmū'ah al-'Ilmiyyah". Riyād: Dār al-'Āsimah.
- Barnadib, I. (1982). *Arti Dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan Tunggal.

- Bashori, A. H. & Jalaluddin, M. (2021). *Dakwah Islamiyah Di Era Milenial. Jurnal Komunikasi dan Penyiaran Islam*, Volume 1 (2) (2021) 87-100. DOI : <https://doi.org/10.54150/syiar.v1i2.40>
- Che Daud, I., (2001). *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Tanah Melayu*, Kelantan: Majlis Agama Islam Kelantan.
- Deraman, F., Suliaman, I., & Ahmad Shah, F. (2010). *Pengajian Hadith Di Malaysia: Tokoh - Karya - Institusi*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Deraman, F., Suliaman, I. & Ahmad Shah, F., (2010). *Pengajian Hadith Di Malaysia: Tokoh - Karya - Institusi*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Fuad Z. & Khairi. N. H. (2018). *Metode Dakwah Bi Al-Kitabah Dato' Haji Syeikh Muhammad Fuad Bin Kamaludin Al-Maliki*. HIKMAH, Volume 12 Nombor 2, Desember 2018, h. 191-203.
- Hajī Khalīfah. (1413H). *Kashf al-Zunūn ‘an Asāmī al-Kutub wa al-Funūn*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Hamzah. N. H., Mustafha. A, M. Khalid. H. (2014). *Asas Penulisan Dan Pembukuan Menurut Perspektif Islam: Implikasi Terhadap Dakwah*, Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan 2014 (INSAN2014), Batu Pahat, Johor, 9 – 10 April 2014.
- Harianto, Y. A. (2023). *Tahapan Pembentukan Keterampilan Penulisan Narasi Dakwah bagi Pemula*. Bil Hikmah: Jurnal Komunikasi Dan Penyiaran Islam, 1(1), 99–116. <https://doi.org/10.55372/hikmah.v1i1.1>
- Haris, A. H. (2019). *Pengaruh Mesir Terhadap Masyarakat Melayu 1906-1970: Daripada al-Imam Sehingga Kebangkitan Semula Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hussin. H., Abdul Majid. L., Mohd. N. S., Wan Abdullah, W. N., & Mohamad. S., (2016). “*Pemikiran Tafsir Sheikh Mohamed Idris al-Marbawi dalam Manuskrip Al-Quran Bergantung Makna Melayu*,” Journal Al-Turath ; Journal of Al-Quran and Al-Sunnah, 1 (1). pp. 24-34. ISSN 0128-0899. <https://jurnalarticle.ukm.my/13540/>
- Ibn Abī Ḥātim. A. R. (1952). *Al-Jarḥ wa al-Ta‘dīl*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Ibn al-‘Arabi, M. A. M. (1418H). *Āriḍah al-Ahwadhi bi Sharḥ Ṣahīh al-Tirmidhī*. Ed. Jamal Mar‘ashlī. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn al-Athīr, M. M. (1969). *Jāmi‘ al-Uṣūl fī Ahādīth al-Rasūl*. Ed. ‘Abd al-Qādir al-Arnāūt. Beirut: Maktabah al-Hulwānī.
- Ibn al-Athīr. M. M. (1979). *Al-Nihāyah fī Gharīb al-Hadīth wa al-Āthār*, ed. Tāhir Aḥmad al-Zawī dan Maḥmūd Muḥammad al-Ṭanāhī. Beirut: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah.
- Ibn al-Jawzī. A. R. (1966). *Al-Mawdū‘āt*. Ed. ‘Abd al-Rahmān Muḥammad ‘Uthmān. Madinah: Al-Maktabah al-Salafiyyah.
- Ibn Ḥajar, A. A. (2014). *Bulūgh al-Marām min Adillah al-Aḥkām*. Ed. Māhir Yāsīn al-Faḥl. Saudi: Dār al-Qabs.
- Ibn Jamā‘ah. M. I. (1406H). *Al-Manhal al-Rawī fī Mukhtaṣar ‘Ulūm al-Hadīth al-Nabawī*. Ed. Muḥyī al-Dīn ‘Abd al-Rahmān Ramadān. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Kathir, I. U. (1986). *Al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. Beirut: Dār al-Fikr.
 _____ (1997). *Al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. Ed. ‘Abdullāh bin ‘Abdil Muhsin al-Turkī. Beirut: Dār Hijr.
- Ibn Sayyid al-Nās. M. M. M. (1409H). *Al-Nafḥ al-Shadhī fī Sharḥ Jāmi‘ al-Tirmidhī*. Ed. Aḥmad Ma‘bad ‘Abd al-Karīm. Riyāḍ: Dār al-‘Āsimah.

- Ismail Yusoff, (1995). *Perkembangan Penulisan Dan Terjemahan Kitab-Kitab Tafsir Di Malaysia*. Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam; International Journal of Islamic Studies, 16 . pp. 19-32. ISSN 0216-5636. <https://jurnalarticle.ukm.my/7634/>
- Jamil Saliba (1971), *Al-Mu'jam al-Falsafi*, Lubnan: Dar al-Kitab al-Lubnani.
- Mannā‘ al-Qattān. (2000). *Mabāhith fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Cet. Ke-7. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Mat Ludin, I. (1991). “Sheikh Idris al-Marbawi dan Sumbangannya”. Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Nora Ahmad@Aziz, Abdul Ghafar Don & Adawiyah Ismail. (2013). *Faktor Penulisan Ilmu Dakwah Dalam Islam*. Jurnal al-Hikmah, 5. pp. 3-17. <https://jurnalarticle.ukm.my/6764/1/28-106-1-PB.pdf>
- Monika @ Munirah Abd Razzak, et al.. (2011). “Sumbangan Syeikh Idris al-Marbawi Dalam Memartabatkan al-Quran dan al-Sunnah: Tumpuan Kitab Tafsir Surah Yasin.” Seminar Serantau Pengajian Usuluddin Di Institusi Pengajian Tinggi Abad 21: Cabaran Dan Prospek. Brunei: Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali.
- Muhammad Shukri, A. S. (2003). “Al-Sheikh Dr. Muhammad Idris al-Marbawi’s Contribution to Islamic Studies In The Malay World,” dalam *Monograph On Selected Malay Intellectuals*, ed. Mohamad @ Md. Som Sujimon. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia. pp: 87-112.
- Muslim. M. H. (1991). Al-Musnad al-Şahīḥ al-Mukhtaṣar bi Naqli al-‘Adli ilā Rasūlillāh Ṣallallāhu ‘Alayhi wa Sallam. Ed. Muḥammad Fuād ‘Abd al-Bāqī. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Nasir, R., & Abdullah, R. S. (2021). *Penulisan Buku Perjalanan Al-Quran Tua di Bumi Persaudaraan, Dakwah Kesultanan Ternate di Alor*. Jumat Keagamaan: Jurnal Pengabdian Masyarakat, 2(2), 105–112. https://ejournal.unwaha.ac.id/index.php/abdimas_agama/article/view/1914
- Nordin, M. N. et al., (2008). “Sumbangan Syeikh Mohamed Idris al-Marbawi Dalam Dakwah Islamiyyah Di Malaysia,” Jurnal Maw’izah, jilid 1. pp. 15-16. <https://www.unimel.edu.my/jurnal/index.php/JMAW/article/view/223/193>
- Saman, T. (1993). *Tokoh Ulama Nusantara*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Shamsul Baharin, S. A. & Amran, N. N. (2021) *Kepelbagai Medium Penyampaian Dakwah Abdul Hadi Awang Semasa Pandemik*. Journal Al-Turath ; Journal of al-Quran and al-Sunnah, 6 (2). pp. 27-38. ISSN 0128-0899. <https://jurnalarticle.ukm.my/17968/1/172-334-1-SM.pdf>
- Shukri Ahmad. (2001). “Pendekatan Karya Ulama Tradisional Di Kedah: Tumpuan Kepada Karya-Karya Jawi Tuan Guru Haji Abu Bakar Palestin, Hanafiah Taib Al-Qadhi (1908-1998m).” Jurnal Usuluddin 13, (Jun 30 2001).
- Ṣiddīq Ḥasan Khān. (1978). *Abjad al-‘Ulūm*. Dimashq: Wizārah al-Thaqāfah wa al-Irshād al-Qūmī.
- Ṭariq ‘al-Awdah. A. A. (1440H). *Al-Manhaj al-‘Ilmī li Dirāsah Manāhij Shurrāḥ al-Hadīth al-Nabawī Dirāsah Ta’siliyyah Taṭbīqiyyah*. Majallah al-Buhūth al-Islāmiyyah, bil 119, p. 161-227.
- Ṭariq ‘al-Awdah. A. A. (1440H). *Al-Manhaj al-‘Ilmī li Dirāsah Manāhij Shurrāḥ al-Hadīth al-Nabawī Dirāsah Ta’siliyyah Taṭbīqiyyah*. Majallah al-Buhūth al-Islāmiyyah, bil 119, p. 161-227.
- Yaacob, A., Yaacob, S., Abd Rahman, A. K., Yaacob, H., & Yaacob, B. (2021). Tok Kenali: Pengembangan Modal Insan Satu Tinjauan Terhadap Generasi Pra-Kemerdekaan.

- International Journal of Modern Trends in Social Sciences, 4 (18), 112- 139. DOI: 10.35631/IJMTSS.418010
- Zainol Abidin, T. (1983). *Negeri Kedah Darulaman*. Kedah: Perpustakaan Negeri Kedah.
- Zakaria, A. R. (2007). “*Kitab Idangan Guru Sahih al-Bukhari wa Muslim: Satu Kajian Dari Aspek Metodologi Huraian Hadith*”. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2007.
- Zaydān. A. K. (2002). *Uṣūl al-Da‘wah*. Cet. Ke-7. Beirut: Muassasah al-Risālah.